

( Dikeluarkan pada 30 Disember 2025 )

### PROGRAM MEMFAIL BORANG NYATA (BN) BAGI TAHUN 2026

\* Pembayar cukai dan majikan hendaklah mengguna e-Filing untuk mengemukakan BN yang mempunyai kemudahan e-Filing. Sila layari <https://mytax.hasil.gov.my>

\* Ejen cukai hendaklah menggunakan perkhidmatan Tax Agent e-Filing System (TAeF) versi 2.0 untuk mengemukakan BN yang mempunyai kemudahan e-Filing. Sila layari <https://mytax.hasil.gov.my>

Bil.	Jenis Fail	Jenis Borang	Kategori Pembayar Cukai	Tarikh Akhir Pengemukakan BN mengikut Akta berkenaan	Tambah Masa bagi Pengemukakan BN dan Bayaran Baki Cukai		Penyediaan e-Filing	Nota Panduan Pengemukakan BN	Penyediaan MITRS	Nota Panduan Pengemukakan Dokumen
					e-Filing	Melalui Pos				
<b>A. MAJIKAN - Penyata bagi Tahun Saraan 2025</b>										
1.	E	e-E	Majikan	31 Mac 2026	1 bulan		1 Mac 2026	Rujuk No. 2 Nota Panduan		
<b>B. INDIVIDU, PERKONGSIAN, PERTUBUHAN, HARTA PUSAKA DAN KELUARGA SEKUTU HINDU - Borang Nyata bagi Tahun Taksiran 2025</b>										
1.	IG	e-BE	Individu Pemastautin Yang TIDAK Menjalankan Perniagaan	30 April 2026	15 hari					
2.	IG	e-B	Individu Pemastautin Yang Menjalankan Perniagaan	30 Jun 2026	15 hari		1 Mac 2026	Rujuk No. 1 Nota Panduan		
3.	D	e-P	Perkongsian		15 hari					
4.	IG	e-BT	Individu Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan / Berkepakaran / Bukan Warganegara Memegang Jawatan Utama)	15 hari						
5.	IG	e-M	Individu Bukan Pemastautin	15 hari						
6.	IG	e-MT	Individu Bukan Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan)	TIDAK Menjalankan Perniagaan: 30 April 2026	15 hari					
7.	F	e-TF	Pertubuhan	Menjalankan Perniagaan: 30 Jun 2026	15 hari					
8.	TP	e-TP	Harta Pusaka		15 hari					
9.	J	e-TJ	Keluarga Sekutu Hindu		15 hari					
<b>C. SYARIKAT, KOPERASI, PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD DAN BADAN AMANAH - Borang Nyata bagi Tahun Taksiran 2026</b>										
1.	C	e-C	Syarikat	Dalam tempoh 7 bulan dari tarikh akhir penutupan tempoh perakaunan yang menjadi tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan	1 bulan		1 April 2026	Rujuk No. 1 dan 3 Nota Panduan	1 April 2026	<a href="#">Rujuk Program Memfail Dokumen Yang Ditetapkan Di Bawah Seksyen 82B ACP 1967 Melalui MITRS</a>
2.	PT	e-PT	Perkongsian Liabiliti Terhad		1 bulan		1 Mei 2026		1 Mei 2026	
3.	TC	e-TC	Unit Amanah / Amanah Harta Tanah		1 bulan		1 Julai 2026		1 Julai 2026	
4.	CS	e-C1	Koperasi		1 bulan		1 Ogos 2026		1 Ogos 2026	
5.	TA	e-TA	Badan Amanah		1 bulan		1 Ogos 2026		1 Ogos 2026	
6.	TR	e-TR	Amanah Pelaburan Harta Tanah / Tabung Amanah Harta		1 bulan		1 September 2026		1 September 2026	
7.	TN	TN	Amanah Perniagaan			3 hari bekerja				
<b>D. PETROLEUM</b>										
1.	C	e-CPE	Orang yang boleh dikenakan cukai di bawah seksyen 30A Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [Eksplorasi]	Dalam tempoh 7 bulan dari tarikh akhir tempoh eksplorasi	1 bulan		1 Julai 2026			
2.	C	e-CPP 2026	Orang yang boleh dikenakan cukai di bawah seksyen 30 Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [Produksi]	Dalam tempoh 7 bulan dari tarikh akhir tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan	1 bulan					
<b>E ENTITI LABUAN</b>										
1.	LE	e-LE1	Entiti Labuan	Dalam tempoh 7 bulan dari tarikh akhir penutupan tempoh perakaunan yang menjadi tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan	1 bulan		1 September 2026	Rujuk No. 1 dan 4 Nota Panduan	1 September 2026	<a href="#">Rujuk Program Memfail Dokumen Yang Ditetapkan Di Bawah Seksyen 22EB ACAPL 1990 Melalui MITRS</a>

- NOTA:**
- Program ini terpakai sehingga program bagi tahun berikutnya dikeluarkan.
  - Dikemaskini pada 1 April 2026

## NOTA PANDUAN PENGEMUKAAN BORANG NYATA (BN)

Bil.	Perkara	Nota Panduan																														
1.	Tambahan Masa	<p>i) Pelaksanaan mandatori pengemukaan BN secara e-Filing adalah seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin: 10px 0;"> <thead> <tr style="background-color: #d9e1f2;"> <th style="text-align: left;">Kategori</th> <th style="text-align: left;">Jenis Borang</th> <th style="text-align: left;">Kuat kuasa Mandatori e-Filing</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Syarikat</td> <td>e-C</td> <td>Mulai Tahun Taksiran 2014</td> </tr> <tr> <td>Majikan – Syarikat / Syarikat Labuan</td> <td>e-E</td> <td>Mulai Tahun Saraan 2016</td> </tr> <tr> <td>Perkongsian Liabiliti Terhadap</td> <td>e-PT</td> <td>Mulai Tahun Taksiran 2021</td> </tr> <tr> <td>Individu, Perkongsian, Pertubuhan &amp; Harta Pusaka</td> <td>e-BE, e-B, e-BT, e-M, e-MT, e-P, e-TF &amp; e-TP</td> <td>Mulai Tahun Taksiran 2023</td> </tr> <tr> <td>Majikan - Selain Syarikat / Syarikat Labuan</td> <td>e-E</td> <td>Mulai Tahun Saraan 2023</td> </tr> <tr> <td>Operasi Petroleum</td> <td>e-CPP &amp; e-CPE</td> <td>Mulai Tahun Taksiran 2023</td> </tr> <tr> <td>Koperasi &amp; Amanah</td> <td>e-CS, e-TA, e-TC &amp; e-TR</td> <td>Mulai Tahun Taksiran 2024</td> </tr> <tr> <td>Keluarga Sekutu Hindu</td> <td>e-TJ</td> <td>Mulai Tahun Taksiran 2024</td> </tr> <tr> <td>Entiti Labuan</td> <td>e-LE1</td> <td>Mulai Tahun Taksiran 2025</td> </tr> </tbody> </table> <p>ii) BN yang dikemukakan melalui e-Filing selepas tarikh akhir pengemukaan BN berkenaan dianggap sebagai telah diterima dalam tempoh yang ditetapkan jika ia diterima dalam tempoh tambahan masa selepas tarikh akhir pengemukaan BN tersebut.</p> <p>iii) Tambahan masa ini juga terpakai untuk bayaran baki cukai di bawah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) subseksyen 103(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967);</li> <li>b) subseksyen 48(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [APCP 1967]; dan</li> <li>c) subseksyen 11(1) Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 (ACAPL 1990)</li> </ol> <p>bagi BN (kecuali Borang E, Borang P dan Borang CPE) yang dikemukakan melalui e-Filing.</p> <p>iv) Bagi kegagalan mengemukakan BN dalam tempoh yang dibenarkan, tindakan berikut boleh diambil berdasarkan tarikh akhir pengemukaan BN berkenaan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) <b>BN selain Borang E dan Borang P</b> Tindakan di bawah subseksyen 112(1) ACP 1967 / subseksyen 51(1) APCP 1967 / subseksyen 23A(1) ACAPL 1990  <b>ATAU</b> Penaan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967 / subseksyen 51(3) APCP 1967 / subseksyen 23A(4) ACAPL 1990.</li> <li>b) <b>Borang E dan Borang P</b> Tindakan di bawah subseksyen 120(1) ACP 1967.</li> </ol>	Kategori	Jenis Borang	Kuat kuasa Mandatori e-Filing	Syarikat	e-C	Mulai Tahun Taksiran 2014	Majikan – Syarikat / Syarikat Labuan	e-E	Mulai Tahun Saraan 2016	Perkongsian Liabiliti Terhadap	e-PT	Mulai Tahun Taksiran 2021	Individu, Perkongsian, Pertubuhan & Harta Pusaka	e-BE, e-B, e-BT, e-M, e-MT, e-P, e-TF & e-TP	Mulai Tahun Taksiran 2023	Majikan - Selain Syarikat / Syarikat Labuan	e-E	Mulai Tahun Saraan 2023	Operasi Petroleum	e-CPP & e-CPE	Mulai Tahun Taksiran 2023	Koperasi & Amanah	e-CS, e-TA, e-TC & e-TR	Mulai Tahun Taksiran 2024	Keluarga Sekutu Hindu	e-TJ	Mulai Tahun Taksiran 2024	Entiti Labuan	e-LE1	Mulai Tahun Taksiran 2025
Kategori	Jenis Borang	Kuat kuasa Mandatori e-Filing																														
Syarikat	e-C	Mulai Tahun Taksiran 2014																														
Majikan – Syarikat / Syarikat Labuan	e-E	Mulai Tahun Saraan 2016																														
Perkongsian Liabiliti Terhadap	e-PT	Mulai Tahun Taksiran 2021																														
Individu, Perkongsian, Pertubuhan & Harta Pusaka	e-BE, e-B, e-BT, e-M, e-MT, e-P, e-TF & e-TP	Mulai Tahun Taksiran 2023																														
Majikan - Selain Syarikat / Syarikat Labuan	e-E	Mulai Tahun Saraan 2023																														
Operasi Petroleum	e-CPP & e-CPE	Mulai Tahun Taksiran 2023																														
Koperasi & Amanah	e-CS, e-TA, e-TC & e-TR	Mulai Tahun Taksiran 2024																														
Keluarga Sekutu Hindu	e-TJ	Mulai Tahun Taksiran 2024																														
Entiti Labuan	e-LE1	Mulai Tahun Taksiran 2025																														

## NOTA PANDUAN PENGEMUKAAN BORANG NYATA (BN)

Bil.	Perkara	Nota Panduan
		<p>Contoh 1:</p> <p>Tarikh akhir pengemukaan Borang BE Tahun Taksiran 2025 adalah 30 April 2026. Tambahan masa diberikan sehingga 15 Mei 2026 bagi e-Filing (Borang e-BE) Tahun Taksiran 2025.</p> <p>Jika pembayar cukai mengemukakan Borang e-BE Tahun Taksiran 2025 pada 16 Mei 2026, BN tersebut akan dianggap sebagai lewat diterima mulai 1 Mei 2026 dan boleh dikenakan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967.</p> <p>Contoh 2:</p> <p>Tarikh akhir pengemukaan Borang B Tahun Taksiran 2025 adalah 30 Jun 2026. Tambahan masa diberikan sehingga 15 Julai 2026 bagi e-Filing (Borang e-B) Tahun Taksiran 2025.</p> <p>Jika pembayar cukai mengemukakan Borang e-B Tahun Taksiran 2025 pada 16 Julai 2026, BN tersebut akan dianggap sebagai lewat diterima mulai 1 Julai 2026 dan boleh dikenakan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967.</p>
2.	Borang e-E bagi Tahun Saraan 2025	<p>i) <b>Pengemukaan Borang e-E yang lengkap dan boleh diterima</b></p> <p>a) Borang e-E hanya dianggap lengkap jika C.P.8D dikemukakan sebelum atau pada tarikh akhir pengemukaan Borang e-E. Majikan yang terdiri daripada Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Keluarga Sekutu Hindu dan Harta Pusaka yang TIADA pekerja adalah dikecualikan mengemukakan C.P.8D.</p> <p>b) Syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi yang dormant * adalah WAJIB mengemukakan Borang e-E dan C.P.8D.</p> <p style="margin-left: 20px;">* <b>Nota:-</b> Bagi maksud di atas, 'dormant' bererti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tidak pernah beroperasi sejak tarikh ia diperbadankan / ditubuhkan; atau</li> <li>▪ Pernah beroperasi atau menjalankan perniagaan tetapi telah berhenti operasi atau perniagaan.</li> </ul> <p>c) Entiti Labuan yang dormant * adalah WAJIB mengemukakan Borang e-E dan C.P.8D.</p> <p style="margin-left: 20px;">* <b>Nota:-</b> Bagi maksud di atas, 'dormant' bagi entiti Labuan bererti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tidak pernah beroperasi sejak tarikh ia diperbadankan / ditubuhkan;</li> <li>▪ Pernah beroperasi atau menjalankan perniagaan tetapi telah berhenti operasi atau perniagaan: atau</li> <li>▪ Tidak mempunyai sebarang transaksi akaun yang signifikan dalam satu tahun kewangan sebelum berlakunya perubahan sebahagian besar dalam pemegangan ekuitinya (50% atau lebih). Ini bermakna tidak ada daftar masuk dalam akaun entiti Labuan selain daripada perbelanjaan minimum untuk memenuhi keperluan perundangan yang telah ditetapkan. Perbelanjaan minimum yang dimaksudkan adalah seperti berikut:</li> </ul>

## NOTA PANDUAN PENGEMUKAAN BORANG NYATA (BN)

Bil.	Perkara	Nota Panduan											
		<ul style="list-style-type: none"> <li>○ memfail penyata tahunan (annual return) kepada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan [Labuan Financial Services Authority (LFSA)];</li> <li>○ Fi setiausaha atas perkhidmatan pemfailan penyata tahunan;</li> <li>○ Kos pengisian borang nyata dan pengiraan cukai (tax filing fee);</li> <li>○ Fi audit statutori (audit fee); dan</li> <li>○ Fi penyediaan akaun (accounting fee).</li> </ul> <p>d) Borang e-E dan C.P.8D hendaklah dikemukakan mengikut kaedah pengemukaan dan format seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin: 10px 0;"> <thead> <tr style="background-color: #d9e1f2;"> <th style="width: 30%;">Jenis</th> <th style="width: 30%;">Kaedah</th> <th style="width: 40%;">Format</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Borang e-E</td> <td>e-Filing</td> <td>-</td> </tr> <tr> <td rowspan="2" style="text-align: center; vertical-align: middle;">C.P.8D</td> <td>e-Data Praisi</td> <td>Muat naik format fail txt sebelum atau pada <b>25 Februari 2026</b>.</td> </tr> <tr> <td>e-CP8D</td> <td>Muat naik format fail txt sebelum atau pada tarikh akhir pengemukaan borang e-E</td> </tr> </tbody> </table> <p>e) Borang e-E dan C.P.8D yang tidak mengikut kaedah pengemukaan dan format seperti yang ditetapkan adalah TIDAK boleh diterima.</p> <p>f) Borang e-E dan C.P.8D hendaklah mengandungi SEMUA maklumat pekerja (termasuk pekerja sepenuh masa / separuh masa / kontrak dan pelatih industri) dan individu yang bertanggungjawab atau terlibat dalam pengurusan sesuatu organisasi (termasuk pengarah syarikat, ahli lembaga koperasi, pentadbir utama pertubuhan, pekongsi bagi perkongsian liabiliti terhad dan pengurus / pegawai utama / pengarah pemastautin / pekongsi / pekongsi umum / pekongsi yang ditentukan / pegawai bagi entiti Labuan).</p> <p>ii) <b>Penyerahan Borang C.P.8A (EA) / C.P.8C (EC) kepada pekerja</b>            Mengikut peruntukan subseksyen 83(1A) ACP 1967, majikan dikehendaki menyediakan Borang C.P.8A (EA) / C.P.8C (EC) bagi tahun berakhir 2025 dengan lengkap dan memberikan borang tersebut kepada semua pekerja pada atau sebelum 28 Februari 2026.</p> <p>iii) <b>Praisi maklumat saraan pekerja pada e-Filing</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Majikan hendaklah mengemukakan maklumat saraan pekerja tahun 2025 secara atas talian melalui aplikasi e-Data Praisi/e-CP8D. Maklumat saraan pekerja yang diterima digunakan bagi tujuan praisi ke dalam e-Borang pekerja (e-BE / e-B / e-BT / e-M / e-MT Tahun Taksiran 2025).</li> <li>b) Pekerja boleh menyemak dan meminda data praisi pada e-Borang mereka, sekiranya terdapat sebarang perubahan sebelum e-Borang ditandatangani dan dihantar secara e-Filing.</li> <li>c) Bagi tujuan praisi ke dalam e-Borang pekerja, pengemukaan maklumat saraan pekerja oleh majikan boleh dilakukan melalui portal MyTax di <a href="https://mytax.hasil.gov.my">https://mytax.hasil.gov.my</a> &gt; Perkhidmatan ezHASiL &gt; e-Data Praisi/e-CP8D mulai 1 Januari 2026 sehingga 25 Februari 2026.</li> </ul>	Jenis	Kaedah	Format	Borang e-E	e-Filing	-	C.P.8D	e-Data Praisi	Muat naik format fail txt sebelum atau pada <b>25 Februari 2026</b> .	e-CP8D	Muat naik format fail txt sebelum atau pada tarikh akhir pengemukaan borang e-E
Jenis	Kaedah	Format											
Borang e-E	e-Filing	-											
C.P.8D	e-Data Praisi	Muat naik format fail txt sebelum atau pada <b>25 Februari 2026</b> .											
	e-CP8D	Muat naik format fail txt sebelum atau pada tarikh akhir pengemukaan borang e-E											

## NOTA PANDUAN PENGEMUKAAN BORANG NYATA (BN)

Bil.	Perkara	Nota Panduan											
		<p>d) Majikan boleh merujuk kepada format Susun Atur Maklumat C.P.8D yang dilampirkan bersama-sama nota panduan ini bagi tujuan penyediaan maklumat saraan pekerja tahun 2025.</p> <p>e) Jika terdapat pindaan maklumat saraan pekerja selepas pengemukaan e-Data Praisi/e-CP8D, pindaan tersebut boleh dilakukan oleh majikan melalui portal MyTax di <a href="https://mytax.hasil.gov.my">https://mytax.hasil.gov.my</a> &gt; Perkhidmatan ezHASiL &gt; e-Data Praisi/e-CP8D.</p>											
3.	Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan Amanah, Koperasi yang Dorman*	<p>i) Syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah, koperasi yang:</p> <p>a) dorman * hendaklah mengemukakan BN (termasuk Borang e-E).</p> <p>b) belum memulakan operasi tidak perlu mengemukakan Borang CP204.</p> <p>c) memiliki saham, harta tanah, simpanan tetap dan pelaburan yang seumpamanya, tidak dianggap sebagai dorman.</p> <p>d) mengemukakan maklumat yang tidak benar adalah tertakluk kepada peruntukan seksyen 113 dan seksyen 114 ACP 1967.</p> <p>ii) Bagi tujuan pengemukaan secara e-Filing bagi syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah, koperasi yang dorman* perlu mengisi BN seperti dikehendaki berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-top: 10px;"> <tr> <td style="width: 5%; text-align: center;">a)</td> <td style="width: 25%;">Tempoh Perakaunan</td> <td>Pengisian adalah mandatori. Tempoh perakaunan adalah seperti dilaporkan dalam penyata tahunan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">b)</td> <td>Tempoh Asas</td> <td>Pengisian adalah mandatori.</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">c)</td> <td>Pendapatan Berkanun Perniagaan / Perkongsian</td> <td rowspan="2">Pengisian kedua-dua ruang adalah mandatori sekiranya salah satu diisi.</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">d)</td> <td>Kod Perniagaan</td> </tr> </table> <p style="margin-top: 10px;">* <b>Nota:-</b> Maksud 'dorman' adalah seperti yang dinyatakan di perkara 2.(i)(b).</p>	a)	Tempoh Perakaunan	Pengisian adalah mandatori. Tempoh perakaunan adalah seperti dilaporkan dalam penyata tahunan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).	b)	Tempoh Asas	Pengisian adalah mandatori.	c)	Pendapatan Berkanun Perniagaan / Perkongsian	Pengisian kedua-dua ruang adalah mandatori sekiranya salah satu diisi.	d)	Kod Perniagaan
a)	Tempoh Perakaunan	Pengisian adalah mandatori. Tempoh perakaunan adalah seperti dilaporkan dalam penyata tahunan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).											
b)	Tempoh Asas	Pengisian adalah mandatori.											
c)	Pendapatan Berkanun Perniagaan / Perkongsian	Pengisian kedua-dua ruang adalah mandatori sekiranya salah satu diisi.											
d)	Kod Perniagaan												
4.	Entiti Labuan yang Dorman*	<p>i) Entiti Labuan yang:</p> <p>a) dorman * hendaklah mengemukakan Penyata Keuntungan (termasuk Borang e-E).</p> <p>b) memiliki saham, harta tanah, simpanan tetap dan pelaburan yang seumpamanya, tidak dianggap sebagai dorman.</p> <p>c) mengemukakan maklumat yang tidak benar adalah tertakluk kepada peruntukan seksyen 23 dan seksyen 23B ACAPL 1990.</p> <p>ii) Bagi tujuan pengemukaan secara e-Filing bagi entiti Labuan yang dorman perlu mengisi Penyata seperti dikehendaki berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-top: 10px;"> <tr> <td style="width: 5%; text-align: center;">a)</td> <td style="width: 25%;">Tempoh Perakaunan</td> <td>Pengisian adalah mandatori. Tempoh perakaunan adalah seperti dilaporkan dalam penyata tahunan kepada Labuan Financial Services Authority (LFSA).</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">b)</td> <td>Tempoh Asas</td> <td>Pengisian adalah mandatori.</td> </tr> </table>	a)	Tempoh Perakaunan	Pengisian adalah mandatori. Tempoh perakaunan adalah seperti dilaporkan dalam penyata tahunan kepada Labuan Financial Services Authority (LFSA).	b)	Tempoh Asas	Pengisian adalah mandatori.					
a)	Tempoh Perakaunan	Pengisian adalah mandatori. Tempoh perakaunan adalah seperti dilaporkan dalam penyata tahunan kepada Labuan Financial Services Authority (LFSA).											
b)	Tempoh Asas	Pengisian adalah mandatori.											

## NOTA PANDUAN PENGEMUKAAN BORANG NYATA (BN)

Bil.	Perkara	Nota Panduan		
		c)	Kod aktiviti perniagaan	Isi kod perniagaan mengikut jenis perniagaan yang didaftarkan dengan LFSA.
		d)	Keuntungan bersih	Isikan amaun '0' jika tiada pendapatan.
		* <b>Nota:-</b> Maksud 'dorman' adalah seperti yang dinyatakan di perkara 2.(i)(c).		
5.	Kes Tuntutan Bayaran Balik	i)	<b>Lampiran / Helaian Kerja</b>	<p>Lampiran / Helaian kerja yang digunakan untuk pengiraan tidak perlu dikemukakan bersama-sama dengan BN. Hanya lampiran atau helaian kerja bagi kes bayaran balik seperti berikut sahaja yang perlu dikemukakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Lampiran B2 / HK-6 berkenaan tolakan cukai seksyen 110 ACP 1967 (lain-lain);</li> <li>b) Lampiran B3 / HK-8 berkenaan tuntutan pelepasan cukai di bawah seksyen 132 ACP 1967; atau</li> <li>c) Lampiran B4 / HK-9 berkenaan tuntutan pelepasan cukai di bawah seksyen 133 ACP 1967.</li> </ul> <p>ii) <b>Dokumen Lain</b></p> <p>Dokumen lain yang berkaitan dengan tolakan cukai seksyen 110 ACP 1967 (lain-lain), pelepasan cukai seksyen 132 ACP 1967 dan seksyen 133 ACP 1967 perlu dikemukakan jika diminta bagi tujuan audit.</p>
6.	Kelonggaran bagi tujuan Bayaran Cukai di bawah Subseksyen 103(2) ACP 1967 / Subseksyen 11(2) ACAPL 1990	<p><b>Tambahan Masa untuk Bayaran Cukai / Baki Cukai</b></p> <p>Bagi taksiran yang dibangkitkan di bawah seksyen 91, 92, 96A dan subseksyen 90(3), 101(2) ACP 1967 / subseksyen 6(2), (3) atau (4) ACAPL 1990 atau jika suatu taksiran dinaikkan di bawah subseksyen 101(2) ACP 1967, cukai / baki cukai hendaklah dibayar dalam tempoh 30 hari dari tarikh taksiran. Walau bagaimanapun, tambahan masa 7 hari adalah dibenarkan.</p>		



## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

# SUSUN ATUR MAKLUMAT C.P.8D - Pin. 2025

### PENYATA SARAAN DARIPADA PENGGAJIAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 DAN MAKLUMAT MENGENAI POTONGAN CUKAI DI BAWAH KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN DARIPADA SARAAN) 1994

#### MAKLUMAN PENTING:

Majikan hendaklah menyedia data C.P.8D dalam bentuk txt mengikut format seperti dinyatakan di Bahagian A.

#### BAHAGIAN A:

#### PANDUAN PENGEMUKAAN MAKLUMAT C.P.8D DALAM FAIL TXT

1. Majikan hanya perlu memuat naik maklumat pekerja sahaja melalui e-Data Prais/e-CP8D. Format maklumat pekerja adalah seperti yang ditetapkan di bawah:-

#### MAKLUMAT PEKERJA

MEDAN	MAKLUMAT	JENIS DATA	PANJANG	PENERANGAN	CONTOH
1	Nama pekerja	<i>Variable character</i>	60	Ruangan adalah WAJIB di isi. Nama seperti dalam kad pengenalan.	Ali bin Ahmad
2	No. Pengenalan Cukai (TIN)	Integer	11	TIN seperti yang diberikan oleh LHDNM. Jika pekerja tiada TIN, ruangan ini dibiarkan tanpa diisi.	03770324020
3	No. pengenalan / pasport	<i>Variable character</i>	12	Ruangan adalah WAJIB di isi. Keutamaan diberikan kepada No. Kad Pengenalan baru diikuti dengan No. Polis, No. Tentera dan No. Pasport. No. Pasport digunakan untuk warganegara asing. Sekiranya pekerja tiada No Pengenalan, ruangan ini perlu diisikan dengan nombor 000000000000 (12 digit).	730510125580 atau A2855084 atau T0370834 atau 000000000000

MEDAN	MAKLUMAT	JENIS DATA	PANJANG	PENERANGAN	CONTOH
4	Kategori pekerja	Integer	1	<p>Ruangan adalah WAJIB di isi.</p> <p><b>Kategori Pekerja</b> (seperti dalam Jadual PCB):-</p> <p>~ <b>Kategori 1:</b> Bujang</p> <p>~ <b>Kategori 2:</b> Berkahwin dan suami atau isteri tidak bekerja</p> <p>~ <b>Kategori 3:</b> Berkahwin dan suami atau isteri bekerja, bercerai atau kematian suami atau isteri, atau bujang yang mempunyai anak angkat</p> <p>Jika status berubah contohnya daripada Kategori 1 kepada Kategori 3, isikan Kategori Pekerja yang terkini.</p>	<p>Pekerja berkahwin pada 24 Jun 2025 dan isterinya bekerja.</p> <p>Kategori Pekerja yang terkini bagi pekerja tersebut adalah '3'.</p> <p>Sekiranya pekerja adalah bujang / bercerai / kematian pasangan dan mempunyai anak, Kategori Pekerja yang perlu dipilih adalah "3".</p>
5	Status Pekerja	Integer	1	<p>Ruangan adalah WAJIB di isi.</p> <p><b>Status Pekerja:-</b></p> <p>~ <b>Status 1:</b> Pengurusan Organisasi</p> <p>~ <b>Status 2:</b> Tetap</p> <p>~ <b>Status 3:</b> Kontrak</p> <p>~ <b>Status 4:</b> Sambilan</p> <p>~ <b>Status 5:</b> Pelatih Industri</p> <p>~ <b>Status 6:</b> Lain-lain</p> <p>Pengurusan organisasi adalah merujuk kepada pengarah syarikat / ahli lembaga koperasi / pentadbir utama pertubuhan / pekongsi bagi perkongsian liabiliti terhad dan pengurus / pegawai utama / pengarah pemastautin / pekongsi / pekongsi umum / pekongsi yang ditentukan / pegawai bagi entiti Labuan.</p> <p>Jika status berubah contohnya daripada Status 3 kepada Status 2, isikan Status Pekerja yang terkini.</p>	<p>Pekerja ditawarkan pekerjaan berstatus kontrak dan diserap sebagai tetap.</p> <p>Status Pekerja yang terkini bagi pekerja tersebut adalah '2'.</p>
6	Tarikh Persaraan / Tamat Kontrak	Tarikh	10	<p>Ruangan adalah WAJIB di isi.</p> <p>Isikan <b>tarikh persaraan</b> mengikut kontrak penggajian atau mengikut mana-mana undang-undang bertulis, atau isikan <b>tarikh tamat kontrak</b> mengikut kontrak penggajian.</p> <p>Sekiranya pekerja telah berhenti / diberhentikan dalam tahun saraan, isi tarikh pemberhentian pada tahun saraan.</p>	<p>15-12-2027 (hh-bb-tttt)</p>

MEDAN	MAKLUMAT	JENIS DATA	PANJANG	PENERANGAN	CONTOH
7	Cukai ditanggung oleh majikan	Integer	1	Ruangan adalah WAJIB di isi. Isikan 1 atau 2 iaitu: 1 = Ya 2 = Tidak	Cukai pendapatan pekerja tidak ditanggung oleh majikan. Isikan '2' bagi pekerja tersebut.
8	Bilangan anak yang layak untuk pelepasan cukai	Integer	2	Isikan bilangan anak yang layak untuk tuntutan pelepasan cukai.	Bilangan anak = 2 orang. 1 orang anak berumur 22 tahun telah berkahwin dan 1 orang anak lagi masih bersekolah. Bilangan anak yang layak untuk pelepasan cukai = 1  Bagi pasangan yang telah bercerai dan hanya memiliki 1 orang anak, bilangan anak yang layak untuk pelepasan cukai = 1
9	Jumlah pelepasan bagi anak yang layak	Integer	7	Jumlah pelepasan bagi anak yang layak adalah sama seperti jumlah pelepasan anak yang dikira bagi tujuan PCB.  Jumlah ini adalah tanpa nilai sen.	Jumlah pelepasan anak yang layak bagi pekerja tersebut adalah RM2000 (dilaporkan sebagai 2000).  Bagi pasangan yang telah bercerai dan hanya memiliki 1 orang anak, jumlah pelepasan yang dituntut adalah = RM1000 (50% daripada jumlah pelepasan yang layak)
10	Jumlah saraan kasar	Integer	11	Jumlah saraan kasar adalah tanpa nilai sen.	RM50000.70 dan RM50000.20 dilaporkan sebagai 50000.
11	Manfaat berupa barangan	Integer	11	Jumlah nilai manfaat berupa barangan yang disediakan oleh majikan adalah tanpa nilai sen.	RM4200.80 dan RM4200.10 dilaporkan sebagai 4200.
12	Nilai tempat kediaman	Integer	11	Jumlah nilai manfaat tempat kediaman yang disediakan oleh majikan di Malaysia adalah tanpa nilai sen.	RM12000.90 atau RM12000.20 dilaporkan sebagai 12000.

MEDAN	MAKLUMAT	JENIS DATA	PANJANG	PENERANGAN	CONTOH
13	Manfaat skim opsyen saham pekerja (ESOS)	Integer	11	Jumlah nilai manfaat ESOS adalah tanpa nilai sen.	RM1300.80 atau RM1300.30 dilaporkan sebagai 1300.
14	Elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang dikecualikan cukai	Integer	11	Jumlah elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang dikecualikan cukai adalah tanpa nilai sen.	RM445.60 dan RM445.20 dilaporkan sebagai 445.
15	Jumlah tuntutan pelepasan oleh pekerja melalui Borang TP1	Integer	11	Jumlah tuntutan pelepasan oleh pekerja melalui Borang TP1 adalah tanpa nilai sen.	RM2200.50 dan RM2200.10 dilaporkan sebagai 2200.
16	Jumlah tuntutan bayaran zakat oleh pekerja melalui Borang TP1	Desimal	11	Jumlah bayaran zakat (SELAIN yang dibayar melalui potongan gaji bulanan) yang dituntut oleh pekerja melalui Borang TP1. Jumlah ini ada nilai sen.	RM1400.30 dilaporkan sebagai 1400.30.
17	Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	Integer	11	Jumlah caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja adalah tanpa nilai sen.	RM3600.90 dan RM3600.30 dilaporkan sebagai 3600.
18	Zakat yang dibayar melalui potongan gaji	Desimal	11	Jumlah bayaran zakat melalui potongan gaji ada nilai sen.	RM1700.20 dilaporkan sebagai 1700.20.
19	PCB	Desimal	11	Jumlah PCB ada nilai sen.	RM2555.25 dilaporkan sebagai 2555.25.
20	CP38	Desimal	11	Jumlah CP38 ada nilai sen.	RM1822.63 dilaporkan sebagai 1822.63.
21	Insurans perubatan yang dibayar melalui potongan gaji	Integer	6	Amaun insurans perubatan tanpa nilai sen	RM2210.90 dan RM2210.30 dilaporkan sebagai 2210.
22	Caruman PERKESO yang dibayar melalui potongan gaji	Integer	6	Jumlah caruman PERKESO tanpa nilai sen	RM150.90 dan RM150.30 dilaporkan sebagai 150.

**Contoh data txt 1:**

Maklumat seperti contoh dalam jadual di atas:

Ali bin Ahmad|03770324020|730510125580|3|2|15-12-2027|2|1|2000|50000|4200|12000|1300|445  
|2200|1400.30|3600|1700.20|2555.25|1822.63|2210|150

**Contoh data txt 2:**

Maklumat seperti contoh dalam jadual di atas tetapi dengan pindaan maklumat seperti berikut:

- Pekerja tidak mendapat manfaat tempat kediaman yang disediakan oleh majikan.
- Pekerja tidak menerima manfaat ESOS daripada majikan.
- Tiada potongan cukai pendapatan melalui CP38 untuk pekerja tersebut.

Ali bin Ahmad|03770324020|730510125580|3|2|15-12-2027|2|1|2000|50000|4200|||445|2200|1400.30  
|3600|1700.20|2555.25||2210|150|

**Nota:**

- 1) Setiap medan diasingkan dengan *delimiter* | dan disimpan dalam fail txt.
- 2) Maklumat pekerja hendaklah disimpan dengan piawaian nama seperti di bawah:

PHHHHHHHHHH\_TTTT.TXT

P : maklumat pekerja  
HHHHHHHHHH : no. E  
TTTT : tahun saraan

Contoh:

Majikan dengan No. E 2900030000 menghantar fail txt untuk tahun saraan 2025.

Fail maklumat pekerja perlu dimuat naik melalui e-Data Prais/e-CP8D dengan nama:

**P2900030000\_2025.txt**